

PRIORITY BANKING/PRIVATE BANKING 7.7 INVEST & WIN CAMPAIGN

Kemas kini terakhir pada 26 June 2022

TEMPOH KEMPEN

Hong Leong Bank Berhad (No. Syarikat 193401000023 (97141-X)) ("**HLB**") dan Hong Leong Islamic Bank Berhad (200501009144 (686191-W)) ("**HLISB**") (dirujuk sebagai "**Bank**") "**Kempen Priority Banking/Private Banking 7.7 Invest & Win**" ("**Kempen**") bermula pada **01 Julai 2022** dan berakhir pada **07 Julai 2022**, inklusif pada kedua-dua tarikh ("**Tempoh Kempen**"), melainkan dinyatakan sebaliknya melalui penyiaran notis pada laman sesawang HLB di www.hlb.com.my ("**Laman Sesawang HLB**").

TERMA DAN SYARAT

Terma dan Syarat Kempen adalah seperti berikut ("**T&S**"):

KELAYAKAN

1. **Kempen** in terbuka bagi penyertaan semua pelanggan individu HLB atau HLISB mengikut kategori berikut ("**Pelanggan**"):
 - i. Pelanggan sedia ada dan/atau pelanggan baharu Private Banking ("**Pelanggan PV**"); dan
 - ii. Pelanggan sedia ada dan/atau pelanggan baharu Priority Banking ("**Pelanggan PB**"); kecuali dinyatakan sebaliknya
2. Pelanggan PV di dalam konteks ini merujuk kepada Pelanggan Bank yang telah memenuhi kelayakan kriteria Keahlian Private Banking ("**Keahlian PV**"). Keahlian PV merujuk kepada jumlah gabungan Aset Di bawah Pengurusan ("**ADP**") dan/atau pelaburan (seperti yang ditakrifkan dalam Klausa 4 di bawah) Ringgit Malaysia Tiga Juta (RM3,000,000) atau jumlah lain yang ditetapkan oleh Bank dari masa ke semasa. Pelanggan PV baharu merujuk kepada Pelanggan Bank yang menyertai Keahlian PV di sepanjang Tempoh Kempen.
3. Pelanggan PB di dalam konteks ini merujuk kepada Pelanggan Bank yang memenuhi kelayakan kriteria Keahlian Priority Banking ("**Keahlian PB**"). Keahlian PB merujuk kepada jumlah gabungan ADP dan/atau Pelaburan (seperti yang ditakrifkan dalam 4 di bawah) Ringgit Malaysia Tiga Ratus Ribu (RM300,000) atau jumlah lain yang ditetapkan oleh Bank dari masa ke semasa. Pelanggan PB baharu merujuk kepada Pelanggan Bank yang menyertai Keahlian PB di sepanjang Tempoh Kempen.
4. Untuk tujuan di sini, terma "**ADP**" yang membawa maksud Aset Di bawah Pengurusan bererti kesemua jumlah wang yang dikredit di mana-mana Akaun Deposit Tetap, Akaun Semasa dan Akaun Simpanan ("**ASAS**") dan/atau Akaun Matawang Asing dengan HLB dan jumlah utama pelaburan di mana-mana Dana Unit Amanah ("**UA**") dan/atau Produk Berstruktur dengan HLB pada mana-mana satu masa. Akaun Semasa Mortgage Plus, Akaun Semasa Overdraf dan Akaun Semasa Persendirian dikecualikan sebahagian daripada ADP untuk kriteria kelayakan.
5. Di mana terdapat lebih daripada satu (1) permohonan untuk Keahlian PB atau PV, maka akaun bersama hendaklah dibuka. Akaun bersama yang mana namanya tertera terlebih dahulu di dalam rekod HLB akan menjadi pemegang akaun utama ("**Pemegang Akaun Utama**") dan pemegang akaun gabungan berikutnya akan menjadi pemegang akaun kedua.
6. Pelanggan bukan individu tidak layak untuk mengambil bahagian di dalam Kempen ini, termasuk Syarikat Korporat, Entiti Perniagaan, Pemegang Akaun Peguam Cara, Pertubuhan, Kelab, Sekolah, Persatuan, Pertubuhan Bukan Kerajaan, Pemilik Tunggal, Rakan Kongsi, Perkongsian Liabiliti Terhad dan Pengamal Profesional yang berdaftar atau ditubuhkan di Malaysia.
7. Kempen ini tidak boleh digunakan bersama dengan kempen pelaburan yang lain.

MEKANIK KEMPEN

8. Untuk menyertai Kempen ini, Pelanggan hendaklah memenuhi kriteria Kelayakan seperti berikut di sepanjang Tempoh kempen yang merujuk kepada ("**Pelanggan Yang Layak**")
- Melabur di mana-mana "**Produk Pelaburan Yang Layak**" yang tertera di dalam Jadual 1;
 - Mematuhi "**Kriteria Pelaburan**" yang dinyatakan dalam Jadual 1; dan
 - Melabur sekurang-kurangnya/lebih daripada "**Jumlah Pelaburan Terkumpul**" seperti yang dinyatakan dalam Jadual 1.

Jadual 1

Produk Pelaburan Yang Layak	Kriteria Pelaburan		Jumlah Pelaburan Terkumpul
	Caj Jualan Minimum	Jumlah Minimum Pelaburan	
(a) Unit Amanah –Jumlah Keseluruhan, Pelan Simpanan Biasa (" PSP ")	2.00%	Setiap dana seperti kertas pernyataan	RM20,000 minimum keseluruhan Kelayakan Produk Pelaburan
(b) Produk Berkait Ekuiti Auto Callable (ACEL)	Seperti di lembaran terma indikatif		
(c) Produk Prinsipal Yang Dilindungi (contoh, Deposit Instrumen Kadar Apung Boleh Runding (" DIKABR ") – CRAN, CIF, PPEI, PPCI)			
(d) Bon Runcit/Sukuk	1.50%	Seperti di lembaran terma indikatif	

9. Untuk mengelakkan keraguan, Jadual 2 di bawah menunjukkan bagaimana Jumlah Pelaburan Terkumpul ditentukan di bawah Kempen ini.

Jadual 2

Pelaburan Pelanggan A	Jumlah Pelaburan	Tarikh Pelaburan	Kelayakan
Unit Amanah (Caj Jualan = 2.00%)	RM1,000,000	01 Julai 2022	Ya
Unit Amanah (Caj Jualan = 1.50%)	RM1,500,000	10 Julai 2022	Ya
DIKABR	RM1,000,000	01 Julai 2022	Ya
Bon Runcit/Sukuk	RM1,000,000	01 Julai 2022	Ya
Jumlah Pelaburan Terkumpul	RM3,000,000	-	-

Berdasarkan Jadual 2, Jumlah Pelaburan Terkumpul bagi Pelanggan A adalah hanya Ringgit Malaysia Tiga Juta (RM3,000,000) sahaja. Pelaburan unit amanah Ringgit Malaysia Satu Juta Lima Ratus (RM1,500,000) dengan caj jualan 1.50% adalah tidak layak kerana ia tidak memenuhi kriteria caj jualan minimum sebanyak 2.00% seperti yang dinyatakan dalam Jadual 1.

10. Bagi tujuan Kempen ini, “**Tarikh Pelaburan**” hendaklah bermaksud tarikh apabila pelaburan didagangkan.
11. Di akhir Tempoh Kempen, setiap Pelanggan Yang Layak boleh menyertai (“**Penyertaan**”) berdasarkan Jumlah Pelaburan Terkumpul (seperti yang tertera di jadual 3 di bawah).

Jadual 3

Jumlah Pelaburan Terkumpul*	Penyertaan
RM20,000 – RM49,999	1
RM50,000 – RM99,999	5
RM100,000 – RM299,999	10
RM300,000 – RM499,999	20
RM500,000 – RM999,999	50
RM1,000,000 – RM1,499,999	100
RM1,500,000 – RM1,999,999	150
RM2,000,000 dan ke atas	200

12. Berdasarkan ilustrasi di dalam Klausa 8, Pelanggan A mempunyai Jumlah sebanyak Ringgit Malaysia Satu Juta (RM3,000,000) dan boleh mendapat seratus (100) Penyertaan untuk Kempen ini.
13. Pelanggan yang layak dan memenuhi kriteria seperti yang dinyatakan di dalam Klausa 7 akan berpeluang memenangi satu (1) hadiah (“**Hadiah**”) seperti yang tertera di Jadual 4 di bawah.

Jadual 4

Hadiah Kempen		Jumlah Pemenang
Hadiah Utama	Samsung Galaxy S22+	1
Hadiah Kedua	Ipad Air 5	1
Hadiah Ketiga	Garmin Venu 2+ Smart Watch	1

14. Setiap Pelanggan Yang Layak hanya layak untuk satu (1) unit Hadiah untuk Kempen ini.
15. Setiap Hadiah tidak boleh ditukar milik, dikembalikan dan tiada alternative wang tunai ditawarkan.
16. Pelanggan Yang Layak mestilah Pemegang Akaun Utama bagi Akaun Produk Pelaburan Yang Layak. Untuk mengelakkan keraguan, akaun bersama akan dianggap sebagai milik individu yang mana namanya tertera terdahulu di dalam transaksi atau borang pembukaan akaun Produk Pelaburan Yang Layak.
17. Hadiah yang dinyatakan di dalam jadual 4 adalah tertakluk kepada Ketersediaan Stok yang mungkin diubah dan diganti dengan Hadiah alternative jika pihak Bank menganggapnya sesuai atau perlu.

PEMILIHAN PEMENANG

18. Proses pemilihan pemenang adalah seperti berikut:
- (a) Setelah kelayakan dipenuhi seperti yang dinyatakan di dalam Klausa 8, Pelanggan Yang Layak akan disenarai pendek melalui pemilihan rawak komputer.
 - (b) Pelanggan Yang Layak yang telah disenarai pendek akan dihubungi oleh pihak ketiga yang dilantik oleh pihak Bank melalui panggilan telefon untuk menjawab satu (1) soalan, menggunakan nombor hubungan Pelanggan Yang Layak yang berada di dalam rekod pihak Bank bila-bila masa ketika waktu pejabat (9.00 pagi hingga 5.00 petang) pada hari bekerja daripada Isnin hingga Jumaat. Agensi Pihak ketiga akan membuat tiga (3) cubaan panggilan kepada setiap Pelanggan Yang Layak.
 - (c) Jika berjaya dihubungi, Pelanggan Yang Layak yang disenarai pendek akan dikira sebagai salah seorang pemenang apabila beliau menjawab satu (1) soalan yang dinyatakan tadi dengan betul dan bersetuju untuk menerima Hadiah (“**Pemenang**”).
 - (d) Jika Pelanggan Yang Layak gagal untuk menjawab soalan dengan betul dan/atau tidak dapat dihubungi. Pelanggan Yang Layak akan dikira tidak layak dan pihak Bank berhak dengan mutlak untuk memilih Pelanggan Yang Layak lain yang disenarai pendek apabila perlu.

19. Pemenang akan dipilih di dalam masa sembilan puluh (90) hari selepas Tempoh Kempen tamat.

Untuk mengelakkan kekeliruan, jumlah penyertaan adalah sama dengan jumlah nama Pelanggan yang diundi di dalam pemilihan rawak perisian komputer.

Sebagai contoh, Pelanggan B telah melabur sejumlah RM1,000,000 sewaktu Tempoh Kempen. Mengikut Klausa 11, pelaburan RM1,000,000 akan menerima 100 penyertaan. Oleh itu, nama Pelanggan B akan diundi 100 kali di dalam pemilihan rawak perisian komputer. Lebih banyak penyertaan, lebih tinggi peluang untuk memenangi Hadiah.

20. Adalah menjadi kewajipan kepada Pelanggan Yang Layak untuk mengemas kini dan/atau menyediakan maklumat terkini yang tepat untuk dihubungi (contoh; Nombor telefon mudah alih) kepada pihak Bank. Pihak Bank tidak akan bertanggungjawab jika Pelanggan Yang Layak gagal dihubungi di atas apa jua sebab.

PEMENUHAN HADIAH

21. Tiada borang dan pendaftaran penyertaan diperlukan untuk menyertai Kempen ini. HLB secara automatik menjejaki Jumlah Pelaburan Terkumpul setiap Pelanggan Yang Layak di sepanjang Tempoh Kempen.
22. Pihak Bank tidak akan bertanggungjawab di atas apa jua kegagalan atau kelewatan di dalam transmisi dan/atau tindak balas transmisi berkaitan pelaburan Pelanggan Yang Layak yang mengakibatkan Peserta Yang Layak dilucutkan hak Penyertaan untuk Kempen ini.
23. Setelah Pemenang dikenal pasti, mereka akan dihubungi melalui Khidmat Pesanan Ringkas (“**SMS**”). Perkhidmatan SMS untuk Kempen ini disediakan dan disokong oleh XOX Technology Berhad Berhad (199901007872 [482772-D]) (“**XOX TECH**”), vendor SMS yang dilantik secara rasmi oleh HLB.
24. Bagi mengelakkan keraguan, Pelanggan Yang Layak yang tidak menerima sebarang notifikasi di dalam Tempoh Pemenuhan (seperti yang diterangkan di sini) akan dikira tidak layak untuk menerima Hadiah bagi tujuan Kempen ini. Tempoh Pemenuhan adalah bermaksud tempoh di dalam masa sembilan puluh (90) hari selepas Tempoh Kempen tamat.
25. Hadiah akan dihantar kepada Pemenang melalui pegawai yang dilantik yang diiktiraf di dalam sistem Bank (contoh: Pengurus Perhubungan, Pengurus Kawasan, Pengurus Cawangan, Pegawai

Bank Peribadi, dll) (“Pegawai Dilantik”) di dalam masa sembilan puluh (90) hari selepas Tempoh Kempen tamat. Sekiranya hadiah tidak disediakan akibat kehabisan stok, tempoh penghantaran akan dilanjutkan kepada tiga puluh (30) hari lagi.

26. Sebagai pilihan alternatif, Pemenang boleh berurusan dengan Pegawai Dilantik untuk membuat permintaan/pengaturan pengambilan Hadiah di cawangan yang dikehendaki atau Priority banking Centre (“**PBC**”)
27. Hadiah tidak termasuk sebarang yuran pendaftaran, insurans/takaful dan kaitan cukai yang berkaitan dengan mendapatkan Hadiah. Mengikut lunas undang-undang, pihak Bank tidak bertanggungjawab ke atas semua liabiliti yang timbul daripada sebarang penangguhan atau kelewatan dalam menyediakan Hadiah atau perubahan kepada butiran Hadiah atau sebarang keadaan tidak dijangka yang di luar kawalan HLB dan untuk sebarang Tindakan atau keingkaran oleh mana-mana vendor atau pembekal Hadiah pihak ketiga.
28. Hadiah yang dipaparkan di semua bahan percetakan dan/atau laman sesawang HLB hanya untuk tujuan ilustrasi sahaja. Segala prop, aksesori atau peralatan yang dipaparkan bersama Hadiah dalam mana-mana bahan bergambar adalah untuk tujuan hiasan dan tidak menjadi sebahagian daripada Hadiah.
29. Pihak Bank tidak bertanggungjawab di atas berlakunya kerugian, kerosakan atau kecurian Hadiah dan sebarang tuntutan gantian Hadiah tidak akan dilayan Oleh pihak Bank . Pihak Bank tidak memberikan representasi atau waranti berkenaan dengan kualiti atau kesesuaian Hadiah dan tidak akan bertanggungjawab untuk menggantikan sebarang Hadiah yang hilang, dicuri atau rosak (sama ada disebabkan oleh kecacatan bahan atau hasil kerja pengilang di bawah jaminan atau sebaliknya). Pelanggan Yang Layak hendaklah berurusan secara terus dengan kedai dan/atau pengilang yang berkaitan untuk semua maklumat waranti dan tuntutan tanpa melibatkan pihak Bank.

TERMA DAN SYARAT KELAYAKAN PRODUK PELABURAN

30. Dana UA konvensional atau patuh Syariah yang dipilih atau Produk Berstruktur di bawah Produk Pelaburan Yang Layak akan disenaraikan dan boleh untuk didapati di mana-mana Cawangan Bank HLB.
31. Tarikh Dagang Produk Pelaburan Yang Layak hendaklah dianggap sebagai Tarikh pelaburan dibuat.
32. Segala Terma dan Syarat, peraturan dan undang-undang kawalan transaksi Produk Pelaburan Yang Layak hendaklah diguna pakai.
33. Terma dan Syarat bagi mengawal selia Produk Berstruktur Berkaitan Ekuiti bterpilih di bawah Produk Pelaburan Yang Layak adalah dinyatakan dalam Lembaran Terma yang berkaitan, Lembaran Liputan Produk, Lembaran Pendedahan Risiko yang tertakluk kepada Garis Panduan Bank Negara Malaysia ke atas Ketelusan dan Pendedahan Produk yang mungkin dipinda Dari semasa ke semasa bersama garis panduan, peraturan dan undang-undang lain yang berkaitan yang mungkin dikeluarkan oleh pihak berkuasa dari masa ke semasa.

Notis Penting:

Pelanggan HLB tidak dilindungi oleh dana pampasan di bawah Bahagian IV Akta Pasaran Modal dan Perkhidmatan 2007. Dana pampasan ini tidak diberikan kepada Pelanggan HLB jika Pelanggan HLB mengalami kerugian monetari akibat daripada pemalsuan, atau penyalahgunaan wang dan harta lain, oleh pengarah, pegawai, pekerja atau wakil HLB.

34. **Penafian Produk Berstruktur Berkait Ekuiti:** Kandungan dokumen ini adalah untuk tujuan perbincangan sahaja dan tertakluk kepada pernyataan akhir terma produk yang dinyatakan dalam perjanjian dan/atau pengesahan muktamad, dan tidak boleh ditafsirkan sebagai tawaran,

pengesyoran atau permintaan untuk memasuki atau membuat kesimpulan untuk apa-apa pelaburan dan tidak boleh dianggap sebagai nasihat pelaburan atau lindungnilai. Bank tidak bertindak sebagai penasihat pembaca atau dalam kapasiti fidusiari berkenaan dengan produk yang dicadangkan ini atau mana-mana produk lain melainkan dipersetujui secara khusus secara bertulis dan tidak menerima sebarang liabiliti berkenaan dengan penggunaan dokumen ini atau kandungannya. Pelanggan dan/atau melalui penasihat professional harus menilai pelbagai risiko berkenaan dengan produk dan mempertimbangkan isu berkaitannya yang termasuklah tetapi tidak terhad kepada isu undang-undang, cukai, kawal selia, kewangan dan perakaunan sebelum membeli produk. Keputusan untuk membeli produk hendaklah berdasarkan pada pertimbangan pelanggan dan/atau nasihat penasihat profesional mereka. Lembaran Liputan Produk (“**LLP**”) ada disediakan dan pelabur mempunyai hak untuk meminta LLP dan sebarang dokumen pendedahan produk lain yang mana hendaklah dibaca dan difahami sebelum membuat sebarang keputusan pelaburan. Anda dinasihatkan untuk membaca Lembaran Terma dan Penyata Pendedahan Risiko untuk terma terperinci, syarat terpakai dan risiko pelaburan dalam produk ini.

35. Pelaburan dalam Produk Pelaburan Yang Layak yang menggunakan dana daripada Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (“**KWSP**”) di bawah Skim Pelaburan Ahli **KWSP** tidak dibenarkan menyertai Kempen ini.
36. Sekiranya Pelanggan Yang Layak menggunakan hak bertenang **UT** atau sebarang transaksi Produk Pelaburan Yang Layak telah ditolak atau dibatalkan oleh mana-mana pihak atas apa jua sebab, Pelanggan Yang Layak **TIDAK** layak untuk menyertai Kempen yang sebagaimana yang dinyatakan di dalam Klausa 7.
37. Terma dan Syarat bagi mengawal selia transaksi **UT** dan produk terpilih konvensional atau dana **UT** patuh Syariah di bawah Produk Pelaburan Yang Layak adalah dinyatakan dalam Prospektus dan Prospektus Tambahan terkini yang berkaitan (jika ada) yang telah didaftarkan dan diluluskan oleh Suruhanjaya Sekuriti Malaysia yang diurus mengikut Akta Pasaran Modal Dan Perkhidmatan 2007 (yang dipinda) dan garis panduan serta arahan berkaitan yang dikeluarkan oleh pihak berkuasa yang berkaitan.
38. **Penafian Unit Amanah:** Dokumen ini tidak bertujuan untuk mempelawa atau menawarkan langganan unit amanah dan tidak juga merupakan permintaan oleh **HLB** untuk sesiapa melanggan unit amanah. Pelabur dinasihatkan untuk membaca dan memahami kandungan prospektus yang telah didaftarkan dengan Suruhanjaya Sekuriti Malaysia, yang tidak bertanggungjawab ke atas kandungannya, sebelum melabur. Salinan prospektus boleh didapati dari mana-mana cawangan **HLB** atau pejabat Pengurus Dana. Sebarang terbitan unit yang berkaitan dengan prospektus hanya akan dibuat setelah menerima borang permohonan yang telah dirujuk dan disertakan bersama salinan prospektus tersebut. Pelabur harus ambil perhatian bahawa terdapat yuran dan caj yang terlibat dalam pembelian unit amanah. Pelabur dinasihatkan untuk mempertimbangkan yuran dan caj yang terlibat sebelum melabur dan berunding dengan penasihat kewangan berlesen mereka atau penasihat profesional lain, jika ragu-ragu tentang sebarang ciri atau keadaan dana. Sila ambil perhatian bahawa harga unit dan agihan yang perlu dibayar, jika ada, mungkin turun atau naik. Prestasi masa lalu dana tidak menunjukkan prestasi masa depannya. Pulangan pelaburan unit amanah tidak dijamin dan unit amanah tidak membentuk deposit bank atau tanggungjawab Bank dan ia juga tidak dijamin atau diinsuranskan oleh Bank. Skim Unit Amanah tertakluk kepada risiko pelaburan, termasuk kemungkinan kehilangan jumlah prinsipal yang dilaburkan. Skim unit amanah dan unit dalam skim tersebut dan sebarang wang yang dikeluarkan daripada deposit yang dilindungi untuk tujuan pembelian mana-mana unit dalam skim unit amanah adalah/tidak dilindungi oleh Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (“**PIDM**”)

SYARAT UMUM

39. Dengan menyertai Kempen, Pelanggan **PBPV** bersetuju
 - a) membaca, memahami, menerima dan terikat dengan Terma dan Syarat disini;

- b) bahawa semua rekod transaksi yang diambil oleh sistem Bank bagi tujuan menentukan sama ada Pelanggan PB dan PV adalah Pelanggan Yang Layak hendaklah tepat dan konklusif;
- c) bahawa keputusan Bank mengenai semua perkara yang berkaitan dengan Kempen adalah muktamad, konklusif dan semua Pelanggan PB dan PV terikat dengannya;
- d) bahawa T&S ini, Perjanjian Perkhidmatan Pelaburan (jika ada), terma dan syarat adalah terpakai untuk Produk Pelaburan Yang Layak dan Terma dan Syarat Umum Akaun hendaklah dikira sebagai keseluruhan perjanjian. Sekiranya terdapat sebarang percanggahan, T&S khusus ini akan diguna pakai bagi percanggahan tersebut; dan
- e) untuk bertanggungjawab dan menanggung segala cukai yang dikenakan, yuran kerajaan atau mana-mana caj yang dikenakan yang tertakrif di bawah undang-undang, jika ada, yang berkaitan dengan penyertaan Kempen ini. membaca T&S dan melihat kemas kini mengenai sebarang perubahan atau kepelbagaian kepada T&S.
- f) untuk bertanggungjawab dan menanggung segala cukai yang dikenakan, yuran kerajaan atau mana-mana caj yang dikenakan yang tertakrif di bawah undang-undang, jika ada, yang berkaitan dengan penyertaan Kempen ini.

40. Pihak Bank berhak untuk:

- a) menambah, memadam, menggantung atau mengubah T&S yang terkandung di sini, sama ada sepenuhnya atau sebahagian, atau menamatkan Kempen dengan cara menyiarkan di Laman Sesawang HLB dengan notis empat belas hari (14) hari, atau dalam mana-mana cara yang di anggap praktikal oleh pihak Bank;
- b) menukar Hadiah dengan produk lain dengan nilai yang sama pada bila-bila masa dengan pemberian notis;

41. Pelanggan PBPV yang telah melakukan atau disyaki melakukan sebarang tindakan penipuan, melanggar undang-undang atau didapati bersalah berhubung dengan mana-mana perkhidmatan dan/atau kemudahan yang diberikan oleh Bank atau telah diisytiharkan muflis (menurut petisyen oleh sama ada bank atau oleh mana-mana pihak ketiga) atau tertakluk kepada sebarang prosiding kebangkrutan pada bila-bila masa sebelum atau sepanjang Tempoh Kempen adalah tidak layak untuk menyertai Kempen ini.

42. T&S ini ditadbir dan ditafsirkan mengikut undang-undang Malaysia dan Pelanggan Yang Layak bersetuju untuk mengiktiraf bidang kuasa eksklusif Mahkamah Malaysia.

43. Perkataan yang menggambarkan satu jantina adalah termasuk semua jantina dan perkataan yang menggambarkan kata tunggal adalah termasuk di dalam kata ramai dan begitu juga sebaliknya.

HLB dan HLISB adalah ahli PIDM. Akaun deposit dilindungi oleh PIDM adalah sehingga RM250,000 untuk setiap pendeposit.

Sebarang wang yang dikeluarkan daripada deposit yang diinsuranskan untuk tujuan membeli mana-mana unit dalam Unit Amanah adalah tidak lagi dilindungi oleh PIDM.

Produk deposit yang tidak diinsuranskan; Contoh: Bon/Sukuk, Deposit Instrumen Kadar Apung Boleh Runding ("DIKABR"), Produk Berkait Ekuiti Auto Callable dll tidak dilindungi oleh PIDM.

Jika anda mempunyai sebarang pertanyaan mengenai T&S, anda boleh mendapatkan penerangan daripada kakitangan kami yang sentiasa bersedia membantu anda. Sebagai alternatif, sila e-mel kami di hlonline@hlbb.hongleong.com.my